

**JABATAN KORPORAT**

**TARIKH: 21.11.2024 MASA: 11.00AM**

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERUSAHA TUAN MOHD IBRAHIM BIN MD NOR  
SETIAUSAHA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PECAH TANAH PROJEK  
NAIKTARAF KAWASAN LAPANG PADANG  
PERMAINAN DI TAMAN BAYU MAK MANDIN  
SEBERANG PERAI UTARA**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**23 NOVEMBER 2024 (SABTU)  
8.30 PAGI**

**KAWASAN LAPANG PADANG PERMAINAN TAMAN BAYU  
MAK MANDIN, SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng**

Mantan Ketua Menteri Pulau Pinang Merangkap  
Ahli Parlimen Bagan

**Yang Berhormat Tuan Chee Yeeh Keen**

ADUN Bagan Jermal

**Yang Berhormat Tuan Kumaran Krishnan**

ADUN Bagan Dalam

**Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor**

Setiausaha Bandaraya Mewakili Datuk Bandar  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha LAr. Shaqrony Bin Md Yusoff @ Jamaludin**

Pengarah Landskap Selaku Pengarah Projek Naiktaraf Kawasan Lapang  
Padang Permainan Di Taman Bayu Mak Mandin

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, saya panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua kita diberi kesempatan untuk menghadiri **Majlis Perasmian Pecah Tanah Projek Naiktaraf Kawasan Lapang Padang Permainan di Taman Bayu Mak Mandin, Seberang Perai Utara** pada pagi yang mulia dan barakah ini.
2. Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ahli Parlimen Bagan kerana sudi melapangkan masa beliau untuk hadir merasmikan **Projek Naiktaraf Kawasan Lapang Padang Permainan Taman Bayu** ini.
3. Ucapan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tuan Chee Yeeh Keen, ADUN Bagan Jermal; Yang Berhormat Puan Phee Syn Tze, ADUN Sungai Puyu; Yang Berhormat Tuan Kumaran Krishnan, ADUN Bagan Dalam; Dif-Dif Kehormat; Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis; Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP; warga kerja MBSP; para penduduk Taman Bayu dan para hadirin sekalian yang hadir untuk menjayakan program yang diadakan pada pagi ini.

4. Sepertimana yang kita sedia maklum, pelaksanaan kerja-kerja naik taraf kemudahan rekreasi dan riadah merupakan salah satu perkhidmatan teras yang dilaksanakan oleh Jabatan Landskap MBSP. Secara umumnya, usaha ini melibatkan dua (2) komponen utama, iaitu landskap kejur (*hardscape*) dan landskap lembut (*softscape*).
5. Bagi merealisasikan visi MBSP untuk menjadikan Seberang Perai **Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Di Pacu oleh Teknologi**, MBSP telah mengenal pasti beberapa program pembangunan kawasan lapang di lokasi-lokasi strategik untuk dilaksanakan di seluruh Seberang Perai.
6. Cadangan pembangunan ini merupakan langkah proaktif dalam meningkatkan kemudahan rekreasi dan riadah sedia ada, di samping memberikan nilai tambah (*value added*) kepada kawasan lapang yang berfungsi sebagai *Green Lung* untuk kegunaan masyarakat setempat.
7. Pelaksanaan kerja-kerja naik taraf ini dilaksanakan sebagai usaha memenuhi keperluan dan aspirasi komuniti setempat. Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng telah memberikan sokongan penuh dan meluluskan peruntukan bagi merealisasikan pelaksanaan projek naik taraf kawasan lapang ini.
8. Komponen-komponen yang disediakan dalam projek naik taraf ini adalah seperti kerja-kerja menyediakan *subsoil drainage system*, kerja-kerja pembinaan laluan pejalan kaki, kerja-kerja membina struktur bangku, kerja-kerja membekal dan memasang alat permainan

bersepadu dan alat permainan individu, kerja-kerja membekal dan memasang kemudahan alat senaman, kerja-kerja memasang papan tanda larangan dan papan tanda pemberitahuan kepada pengguna (lengkap dengan struktur tiang), kerja-kerja membina struktur *bollard*, kerja-kerja membekal tong sampah, penghadang motosikal yang patuh *Universal Design*, kerja-kerja penanaman rumput serta lain-lain yang berkaitan.

9. Berpandukan pemerhatian yang dijalankan oleh MBSP, kawasan lapang ini mempunyai potensi besar untuk dinaiktaraf kerana ia terletak dalam pola penempatan yang berkepadatan tinggi, serta berhampiran dengan kemudahan amenities sedia ada seperti sekolah dan kawasan perumahan.
10. Disokong dengan faktor kesinambungan dan kebolehsampaian (connectivity & accessibility) yang baik (within maximum walking distance of 400m - 500m / 5 minutes – 10 minutes), pelaksanaan kerja-kerja naik taraf di kawasan-kawasan lapang ini diiktiraf sebagai langkah yang mampu mempromosikan gaya hidup yang lebih sihat bagi semua lapisan masyarakat di Seberang Perai.
11. Projek ini dilaksanakan oleh Sutera Jernih Enterprise dengan kos keseluruhan sebanyak RM184,481.00. Projek ini telah dimulakan pada 7 Oktober 2024 dan dijangka siap sepenuhnya mengikut jadual yang ditetapkan iaitu pada 29 Disember 2024.

12. Untuk makluman, sepanjang tahun 2024, MBSP telah merancang sebanyak 13 projek naik taraf di seluruh Seberang Perai, termasuk projek di Taman Bayu. Projek-projek ini merangkumi empat (4) projek di Seberang Perai Utara, lima (5) projek di Seberang Perai Tengah, dan empat (4) projek di Seberang Perai Selatan. Daripada jumlah tersebut, satu (1) projek, iaitu Kerja Naik Taraf Landskap di Kawasan Lapang Lorong Budiman 10, Taman Budiman, Seberang Perai Tengah, telah berjaya disiapkan, manakala baki 12 projek lagi sedang dalam proses pelaksanaan.
13. Pelaksanaan projek naik taraf kawasan lapang di Taman Bayu, Mak Mandin ini bukan sahaja mencerminkan komitmen MBSP dalam menyediakan kemudahan rekreasi berkualiti untuk masyarakat, tetapi juga selaras dengan visi MBSP. Dengan sokongan semua pihak, diharapkan projek ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh komuniti setempat dan menjadi pemangkin kepada gaya hidup sihat serta kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan.
14. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada semua yang bertungkus lumus bagi menjayakan Majlis Perasmian Pecah Tanah Projek Naiktaraf Kawasan Lapang Padang Permainan di Taman Bayu Mak Mandin Seberang Perai Utara Oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai, terutamanya Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Pulau Pinang, Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri

(ICU JPM) melalui peruntukan Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ahli Parlimen Bagan di atas peruntukan yang diberikan dalam pelaksanaan projek ini.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***